

DATE: 21/6/2009

Melayu mula sedar pertahanan hak: Dr M

BH-21/6/2009

Ahli Umno usah fikirkan ganjaran peribadi

Oleh Ridzuan Yop
bminggu@bharian.com.my

IPOH: Tun Dr Mahathir Mohamad percaya rata-rata orang Melayu di negara ini kini sudah mula insaf dan sedar akan kedudukan serta masa depan mereka yang tidak terjamin jika terus leka dan tidak berusaha mempertahankan.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau melihat kesadaran itu berikutan pelbagai badan berkaitan orang Melayu ditubuhkan serta pelbagai program dan forum mengenai kedudukan orang

Melayu dianjurkan kebelakangan ini.

Beliau tidak menolak keadaan itu berpunca daripada rasa cemas orang Melayu dengan kedudukan mereka ketika ini dari segi politik dan ekonomi sehingga timbul kesadaran untuk memastikan agar ia terus dipertahankan.

"Biasanya dalam keadaan cemas, orang Melayu akan mencari kekuatan dan paduan seperti ketika penubuhan Malayan Union ketika British cuba menghakis kuasa Sultan dan Raja-Raja Melayu serta hak orang Melayu.

"Sehubungan itu, orang

Melayu khususnya ahli dan pemimpin Umno perlu kembali kepada perjuangan asal dengan tidak terlalu memikirkan kepentingan diri melebihi kepentingan parti," katanya berucap merasmikan Mesyuarat Agung Penubuhan Gagasan Melayu Perak (GMP), di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; bekas Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Presiden GMP, Datuk Seri Mohd Hilmi Ismail.

Dr Mahathir meminta orang Melayu, terutama pe-



DR MAHATHIR bersalaman dengan bekas perajurit yang hadir pada Mesyuarat Agung Penubuhan Gagasan Melayu Perak (GMP) di Ipoh, semalam.

mimpin dan ahli Umno tidak terlalu memikirkan ganjaran peribadi dengan lebih mengutamakan jawatan sebagai ketua cawangan, bahagian dan wakil rakyat.

Katanya, pada pilihan raya umum lalu, orang Melayu bukan menolak Umno dan Ba-

risan Nasional (BN) tetapi meluat dengan tingkah laku sesetengah pemimpin Umno dan mahu menyampaikan mesej bahawa pemimpin Umno perlu bersih dan meletakkan kepentingan rakyat melebihi kepentingan diri.

"Saya rasa jika pemimpin

Melayu terus bersikap demikian (pentingkan diri), masa depan Melayu akan terus gelap," katanya sambil menambah orang Melayu memilih calon parti lawan pada pilihan raya umum lalu kerana berpendapat Umno bukan lagi memperjuang nasib mereka.